

Tindakan susulan tolak Akta Laut Wilayah 2012, MB Terengganu enggan ulas

Zatul Iffah Zolkiply

Harian Metro

Mei 1, 2024 @ 7:36pm



AHMAD Samsuri, gambar fail. FOTO NSTP

Kuala Terengganu: Menteri Besar Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar enggan mengulas tindakan susulan yang akan diambil selepas Dewan Undangan Negeri (Dun) Terengganu menolak Akta Laut Wilayah 2012, Khamis lalu.

"*No comment* (tiada komen) (berhubung isu berkenaan)," katanya ringkas ketika ditemui pemberita di Wisma Darul Iman di sini.

Pada persidangan Dun minggu lalu, Terengganu menolak Akta Laut Wilayah 2012 yang mengehadkan sempadan maritim negeri sehingga tiga batu nautika iaitu 5.5 kilometer dari kawasan pantai.

Ahmad Samsuri dilaporkan berkata, penolakan penguatkuasaan itu kerana ia menafikan hak negeri untuk menerokai sumber dan hasil melalui sempadan maritim negeri sekadar tiga batu nautika sahaja dari garis air surut wilayah Terengganu.

Sementara itu, Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Maritim, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) Wan Mariam Wan Abdullah berkata, akta itu tidak tergugat dan sah selagi tidak dicabar mana-mana pihak termasuk Terengganu di mahkamah.

Beliau berkata, keputusan untuk membatalkan akta itu hanya boleh diisyiharkan oleh mahkamah sahaja.

"Akta itu tidak boleh diusik kerana sudah diluluskan oleh Parlimen secara sah di sisi Perlembagaan Persekutuan, " katanya.

Pejabat Perdana Menteri dalam satu kenyataan Sabtu lalu memaklumkan akta berkenaan adalah sah dan terpakai di seluruh negara termasuk Terengganu walaupun Dun negeri itu memutuskan menolaknya.

Menurut kenyataan itu, akta yang mengehadkan sempadan maritim negeri sehingga tiga batu nautika iaitu 5.5-kilometer dari kawasan pantai itu hanya terbatal jika ia diisyiharkan sebaliknya oleh mahkamah.